



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 5 APRIL 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 5 April 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **1,294 kes** (336,456 kes kumulatif, 95.6%);
- Kes baharu : **1,070 kes** (352,029 kes kumulatif);
- Kes import : **9 kes** (4 warganegara, 5 bukan warganegara)
- Kes tempatan : **1,061 kes** [904 warganegara (85.2%); 157 bukan warganegara (14.8%)];
- Kes aktif : **14,278 kes**;
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) : **180 kes**;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **89 kes**; dan
- Kes kematian : **7 kes** (1,295 kes kumulatif, 0.37%; 7 warganegara).

Pada hari ini, Selangor melaporkan kes harian baharu tertinggi iaitu sebanyak **327 kes (30.6 peratus)**. Daripada jumlah ini, sebanyak **248 kes (75.8 peratus)** adalah daripada kluster-kluster dan saringan kontak rapat COVID-19 yang aktif dijalankan di lapangan. Ini diikuti oleh Sarawak sebanyak 225 kes (21.0 peratus) dan Pulau Pinang sebanyak 133 kes (12.4 peratus).

Sebanyak **14 kes (1.3 peratus)** yang dilaporkan pula adalah berkaitan kluster-kluster di Depot Tahanan Imigresen (DTI) dan penjara yang membabitkan Kluster DTI Jalan Duta (5 kes), Kluster Penjara Jalan Harapan (5 kes), Kluster Tembok Sungai Udang (2 kes), Kluster Tembok Pengkalan Chepa (1 kes), dan Kluster DTI Sepang 2 (1 kes).

Terdapat tujuh (7) kes kematian pada hari ini melibatkan empat (4) kes di Selangor, dua (2) kes di Sabah, dan satu (1) kes di Johor. Kesemua kes kematian melibatkan warganegara. KKM mengucapkan takziah kepada ahli keluarga mereka.

Perincian penuh jumlah kes mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 1 dan 2**, manakala ringkasan kes kematian mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 3** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

MAKLUMAT TERKINI BERKAITAN KLUSTER-KLUSTER

Berikut adalah maklumat terkini berkaitan kluster-kluster di Malaysia sehingga 5 April 2021:

- Jumlah kluster : **1,411 kluster**;
- Jumlah kluster baharu : **6 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **1,056 kluster** (termasuk **10 kluster** yang tamat pada hari ini iaitu **Kluster Jalan Cempedak, Kluster Jalan Haji Malek, Kluster Tapak Bina Nilam Sari, Kluster Jalan Wawasan 12, Kluster Jalan Tampoi Besi, Kluster Jalan Murni 12, Kluster Jalan Apas Empat, Kluster Jalan Telawi, Kluster Penjara Jalan Sungai Jelok, dan Kluster Kampung Telekong**);
- Jumlah kluster aktif : **355 kluster**;
- Jumlah kluster dengan pertambahan kes baharu pada hari ini : **48 kluster**; dan
- Kluster-kluster dengan pertambahan kes baharu tertinggi pada hari ini adalah **Kluster Jalan Jelawat (34 kes), Kluster Kampung Binyu (34 kes), dan Kluster Pulau Enoe (14 kes)**.

KLUSTER BAHARU

KKM juga ingin memaklumkan terdapat **enam (6) kluster baharu** yang telah dikenal pasti pada hari ini yang melibatkan lima (5) kluster kluster tempat kerja dan satu (1) komuniti.

Perincian kluster-kluster baharu adalah seperti di **Lampiran 4** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

No.	Nama Kluster	Negeri	Kategori Kluster
1	Lorong Dua	Selangor	Tempat Kerja
2	Taman Komersial	Selangor	Tempat Kerja
3	Jalan Inovasi	WP Kuala Lumpur dan WP Putrajaya	Tempat Kerja
4	Jalan Mata Kuching	Melaka	Tempat Kerja
5	Persiaran Utama	Negeri Sembilan	Tempat Kerja
6	Bukit Sera	Kedah	Komuniti

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak**, **sempit** dan **sempang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash**, **Wear** dan **Warn**)

Patuhlah kepada **S.O.P** sebagai normal baharu. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

5 April 2021 @ 5.30 petang.

LAMPIRAN 1

**BILANGAN KES COVID-19
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 5 APRIL 2021, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
SELANGOR	327 (2)	117,792
SABAH	65	55,122
JOHOR	55 (1)	41,756
WP KUALA LUMPUR	88 (5)	38,237
SARAWAK	225	17,779
NEGERI SEMBILAN	12	17,390
PULAU PINANG	133	16,808
PERAK	8	13,537
KEDAH	34	8,574
MELAKA	25	6,633
KELANTAN	31	6,456
PAHANG	37 (1)	4,420
TERENGGANU	3	3,620
WP LABUAN	17	2,390
WP PUTRAJAYA	8	1,181
PERLIS	2	334
JUMLAH KESELURUHAN	1,070 (9)	352,029

*() adalah merujuk kepada kes-kes import

Perincian 1,070 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 5 April 2021 adalah seperti berikut:

- **Selangor: 327 kes**

- 24 kes daripada kluster-kluster; termasuk enam (6) kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Taman Komersial dan Kluster Lorong Dua**;
- 224 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
- Dua (2) kes import dari luar negara; dan
- 77 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Sarawak: 225 kes**

- 61 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
- 126 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 38 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Pulau Pinang: 133 kes**

- 39 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
- 41 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 53 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: 88 kes**
 - Enam (6) kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 43 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
 - Lima (5) kes import dari luar negara; dan
 - 34 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Sabah: 65 kes**
 - 23 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 27 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 15 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Johor: 55 kes**
 - 12 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 28 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
 - Satu (1) kes import dari luar negara; dan
 - 14 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Pahang: 37 kes**
 - 14 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - Sembilan (9) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
 - Satu (1) kes import dari luar negeri; dan

- 13 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Kedah: 34 kes**
 - 20 kes daripada kluster-kluster, termasuk 10 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Bukit Sera**;
 - Sembilan (9) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Lima (5) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Kelantan: 31 kes**
 - Tiga (3) kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 16 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 12 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Melaka: 25 kes** daripada kluster-kluster, termasuk sembilan (9) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Mata Kuching**.
- **Wilayah Persekutuan Labuan: 17 kes**
 - 15 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - Satu (1) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Negeri Sembilan: 12 kes**
 - Enam (6) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Persiaran Utama**;
 - Empat (4) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Perak: Lapan (8) kes**
 - Dua (2) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Enam (6) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Putrajaya: Lapan (8) kes**
 - Enam (6) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Inovasi**; dan
 - Dua (2) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.
 -

- **Terengganu: Tiga (3) kes** daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.

- **Perlis: Dua (2) kes** daripada lain-lain saringan COVID-19.

LAMPIRAN 3

Ringkasan tujuh (7) kes kematian pada 5 April 2021 adalah seperti berikut:

No. Kematian	No. Kes	Negeri	Jantina (warganegara)	Umur (tahun)	Hospital / Tempat Kematian	Latar Belakang
1289	302724	Selangor	Lelaki (WN)	86	Hospital Sungai Buloh	Penyakit darah tinggi
1290	337190	Sabah	Lelaki (WN)	58	Hospital Tawau	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dislipidemia, jantung, dan kanser lidah
1291	339774	Sabah	Lelaki (WN)	68	Hospital Tawau	Penyakit darah tinggi
1292	343044	Selangor	Lelaki (WN)	64	Hospital Shah Alam	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan buah pinggang kronik
1293	343241	Selangor	Perempuan (WN)	85	Hospital Serdang	Penyakit darah tinggi dan dislipidemia
1294	343375	Johor	Lelaki (WN)	46	Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom, Kluang	Penyakit kencing manis
1295	347103	Selangor	Lelaki (WN)	84	Hospital Serdang	Penyakit darah tinggi dan dislipidemia

*WN merujuk kepada warganegara.

Perincian enam (6) kluster baharu yang telah dikenal pasti pada hari ini iaitu:

1. KLUSTER TAMAN KOMERSIAL

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Hulu Langat di Selangor. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 26 Mac 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah kilang yang terletak di Jalan 6/5 *Pandan Indah Commercial Centre*, Taman Komersial, Hulu Langat. Sehingga 5 April 2021, sejumlah 23 individu telah disaring, di mana **14 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

2. KLUSTER LORONG DUA

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Petaling dan Kuala Selangor di Selangor. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 30 Mac 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah kilang yang terletak di Lorong 2B, Jalan TUDM, Kampung Subang Baru, Shah Alam. Sehingga 5 April 2021, sejumlah 332 individu telah disaring, di mana **41 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

3. KLUSTER JALAN INOVASI

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Cheras dan Titiwangsa di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta daerah Putrajaya di Wilayah Persekutuan Putrajaya. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-342377) dilaporkan positif COVID-19 pada 29 Mac 2021 hasil saringan kontak rapat. Kluster ini melibatkan pekerja-pekerja sebuah kafetaria yang terletak berhampiran dengan Jalan Inovasi, Kuala Lumpur. Sehingga 5 April 2021, sejumlah 49 individu telah disaring, di mana **14 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

4. KLUSTER JALAN MATA KUCHING

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Melaka Tengah di Melaka. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-331612) dilaporkan positif COVID-19 pada 20 Mac 2021 hasil saringan pra pembedahan. Kluster ini melibatkan sebuah pusat pendidikan yang terletak di Jalan Taming Sari, Mata Kuching Dalam, Melaka Tengah. Sehingga 5 April 2021, sejumlah 67 individu telah disaring, di mana **16 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

5. KLUSTER PERSIARAN UTAMA

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Seremban di Negeri Sembilan. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 3 April 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah syarikat perkhidmatan yang terletak di Persiaran Utama S2, *Garden Homes*, Seremban. Sehingga 5 April 2021, sejumlah 90 individu telah disaring, di mana **18 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

6. KLUSTER BUKIT SERA

Kluster komuniti ini melibatkan daerah Kuala Muda di Kedah. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-347804) dilaporkan positif COVID-19 pada 2 April 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan sebuah majlis sosial yang diadakan di Kampung Bukit Sera, Batu 2, Jalan Kuala Ketil, Sungai Petani, Kuala Muda. Sehingga 5 April 2021, sejumlah 18 individu telah disaring, di mana **13 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.